

TARIKH : 8 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 19

## Tawar 15,000 peluang kerja baru



ISMAIL Sabri (dua kanan) pada Majlis Perasmian Projek Strategik NCER - Kedah Rubber City di Padang Sanak, Kuala Nerang. - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

# Tawar 15,000 peluang kerja baru

Penduduk dapat manfaat pembangunan KRC menjelang 2025

Oleh M Hifzuddin Ikhshan dan Noorzura Abdul Rahman  
am@hmetro.com.my

### Padang Terap

Penduduk tempatan bakal menerima pelbagai limpahan manfaat hasil pembangunan Kedah Rubber City (KRC) yang turut akan membuka 15,000 peluang pekerjaan baharu menjelang 2025 di kawasan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pembangunan KRC sebagai taman perindustrian getah khusus mesra alam pertama di Malaysia diyakini mampu menarik pelaburan berpotensi keseluruhan bernilai RM10 bilion.

Menurutnya, walaupun baharu dilancarkan, KRC setakat ini sudah berjaya menarik pelaburan komited sebanyak RM4 bilion yang bakal menawarkan hampir 7,000 peluang pekerjaan kepada Keluarga Malaysia.

"Jika sebelum ini, pembangunan berskala besar kebanyakannya hanya tertumpu di kawasan bandar. Hari ini, Keluarga Malaysia di kawasan luar bandar termasuk di Padang Terap juga

mampu menikmati limpahan kemakmuran yang dicipta hasil daripada projek strategik nasional seperti KRC.

"KRC adalah satu daripada pelbagai projek *game changer* yang dilaksanakan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama kerajaan negeri untuk mentransformasi Kedah sebagai negeri yang maju, sekali gus merapatkan jurang pembangunan antara wilayah," katanya di majlis perasmian Projek Strategik NCER-KRC di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar Kedah Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Azlan Man.

Ismail berkata, KRC dibangunkan dengan matlamat menjadikan Kedah sebagai peneraju pembangunan industri getah negara serta hab industri getah bernilai tinggi di peringkat global.

"Kewujudan KRC juga mencerminkan momentum pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negeri Kedah yang akan dipacu sektor pertanian moden dan pintar serta pembuatan bernilai



**KRC adalah satu daripada pelbagai projek 'game changer' yang dilaksanakan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)"**

Ismail Sabri

tinggi.

"Dengan lokasinya yang strategik di kawasan *Rubber Belt* sempadan Malaysia-Thailand, KRC akan memupuk kerjasama dan integrasi serantau yang lebih erat antara kedua-dua negara serta menjadi penggerak menghubungkan pengeluaran getah utama serantau di bawah platform Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)," katanya.

Berikutan itu, beliau berharap pelabur dari dalam dan luar negara akan merebut peluang menempatkan operasi mereka di KRC yang menawarkan kawasan seluas lebih 503 hektar.

"Sebagai anak penoreh getah, saya yakin KRC bakal memberi manfaat kepada pekebun kecil getah di ne-

geri ini. Walaupun Kedah adalah salah satu kawasan penanaman getah penting negara, industri ini masih tertumpu kepada aktiviti bernilai rendah yang mengakibatkan ramai pekebun masih dibelenggu kemiskinan.

"Sehubungan itu, NCIA akan bekerjasama bersama Risdia (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah) bagi membangunkan masyarakat pekebun kecil getah tempatan iaitu kepada 73,642 pekebun kecil negeri Kedah termasuk 11,190 pekebun kecil di Padang Terap," katanya.

Pada majlis itu, Ismail turut menyaksikan pertukaran sembilan dokumen perjanjian, surat niat serta memorandum persefahaman (MoU) antara NCIA dan pelabur seta rakan strategik dalam pembangunan KRC.

Antara syarikat terbahit adalah Hong Seng Corporation Berhad (HSCB) dan Mitsui&Co (Malaysia) Sdn Bhd sebagai rakan kerjasama strategik. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) bagi mempromosikan KRC seta syarikat perbankan CIMB, Affin Bank, Maybank dan Agrobank bagi program keusahawanan.